

SOALAN NO. 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 13 MAC 2019

SOALAN : 50

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man
[Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi memastikan pilihan raya berlangsung dengan adil dan Menteri tidak menyalahgunakan aset serta peruntukan Kementerian ketika berkempen.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan sistem dan proses pilihan raya dilaksanakan secara berintegriti, semua langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah mematuhi undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa. Selain itu, SPR juga sedang meneliti dan mendapatkan pandangan daripada pelbagai pihak seperti Jawatankuasa Pilihan Khas di bawah Parlimen berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (2012), *Institutional Reforms Committee* (IRC), masyarakat sivil, badan bukan Kerajaan (NGO), parti-parti politik dan ahli-ahli akademik berkaitan cadangan penambahbaikan sistem pilihan raya.

SPR tidak menghalang mana-mana calon untuk berkempen tetapi mereka perlu mematuhi peruntukan undang-undang di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan akta-akta lain yang berkaitan. Bagi memastikan proses berkempen berjalan dengan lancar semasa sesuatu pilihan raya, SPR juga menujuhkan Pasukan Penguat Kuasa Kempeng Pilihan Raya (PP-KPR) untuk memantau aktiviti berkempen bagi calon dan parti politik yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya.

Di samping itu, SPR juga melantik Pemerhati Pilihan Raya di kalangan agensi Kerajaan, badan berkanun, NGO dan individu yang berkelayakan untuk turut sama membantu SPR dalam memantau aktiviti kempen pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

